

22/02/2003

Pemimpin pelapis patut jadikan NAM medan timba pengalaman

Wan Emril Nizam Wan Embong

SIDANG Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung di Malaysia hingga 25 Februari ini pastinya mendapat perhatian dunia.

Ini disebabkan NAM, pertubuhan terbesar di luar Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) mengadakan pertemuan ketika dunia bergolak dengan isu keganasan antarabangsa dan perang terhadap Iraq (salah sebuah negara anggota).

Suara NAM menjadi lebih penting dalam persidangan kali ini. Dengan keanggotaan 114 ahli, NAM pastinya mampu memastikan suaranya didengar dan

diberi perhatian oleh PBB dan kuasa dunia.

NAM tidak lagi boleh dianggap sebagai satu pertubuhan sekadar mengumpulkan ahlinya saja tanpa sebarang tindakan konkrit.

Dalam kesempatan kali ini juga, sewajar pemimpin muda negara turut mengikuti perkembangan persidangan yang dianggotai oleh negara yang berkecuali daripada dasar 'berat sebelah' PBB selama ini.

Kewajaran pemimpin pelapis muda untuk mengambil bahagian dalam persidangan global seperti ini akan mendedahkan mereka dengan perkembangan

isu semasa. Inilah juga landasan terbaik untuk mereka yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang mempelajari dan mengambil iktibar daripada persidangan ini.

Kita patut berasa bertuah dan berbangga kerana ketika dunia menyanjung tinggi kepemimpinan negara menyuarakan ketegasan berhubung isu keganasan antarabangsa, Malaysia diberi penghormatan untuk menganjurkan persidangan penting ini.

Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Kuala Lumpur diharap menjadi landasan untuk

membetulkan peranan PBB yang selama ini berfungsi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan betul.

Harapan agar NAM dapat menjadi medan 'neutral' dan benar-benar berkecuali daripada anasir dan pengaruh kuasa besar akan menjadi kenyataan

memandangkan kekuatan keanggotaannya akan mampu mengimbangi kuasa besar dunia.

Bagi pemimpin muda, peluang ini tidak wajar dilepaskan kerana peluang menjadi tuah rumah persidangan seperti ini harus melalui sistem penggiliran, yang mana kita harus menunggu 10 atau 20 tahun lagi untuk menetapkan sesuatu resolusi.

Saya tertarik dengan pandangan sesetengah pemimpin veteran negara bahawa

pemimpin muda pada masa ini yang berhasrat untuk menjadi pemimpin pada masa depan harus lebih berilmu, dinamik, berwibawa dan berketrampilan untuk menyuarakan isu yang lebih global.

Ini kerana corak kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kritis, terbuka dan disanjung oleh negara luar harus dicontohi dan dijadikan prasyarat untuk melengkapkan keperluan untuk

menjadi pemimpin pelapis.

Dunia pada hari ini mengiktiraf dan melihat negara kita dalam perspektif berbeza dan dianggap sebagai suara negara membangun.

Justeru, pemimpin pelapis bukan sekadar mampu menjadi 'wira kampung', bahkan harus melakar dirinya sebagai hero di peringkat global. Ini kerana sebagaimana yang ditafsirkan oleh ahli pemikir Barat, dunia pada masa akan datang akan menjadi semakin 'kecil' ibarat satu perkampungan.

Oleh itu, pemimpin masa depan harus lebih bersedia dengan semua keperluan dan cabaran semasa.

Apa yang penting, pemimpin pelapis perlu menjadi pemimpin tulen dan bukannya tidak terikut-ikut dengan mana-mana pengaruh dan anasir. Mereka juga perlu berpendirian tegas dengan sesuatu isu jika dirasakan itu adalah kebenarannya. Maka dengan itu, negara akan terus berdiri megah dan mampu bersaing di peringkat global.

WAN EMRIL NIZAM WAN EMBONG,
Kolej Islam Pahang,
Kuantan, Pahang.